

# PM persoal potensi turunkan penarafan

> Agensi dakwa tindakan kerajaan beri RM6 bilion bantu FELDA, TH langkah salah

Kuala Lumpur

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, hairan dengan potensi penarafan kredit negara diturunkan oleh agensi penarafan berikutan keputusan kerajaan untuk menyelamatkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Lembaga Tabung Haji (TH) yang berdepan masalah kewangan.

“Agensi-agensi penarafan berka-

ta, dengan memberikan RM6 bilion untuk membantu syarikat adalah salah dan mereka mungkin menurunkan penarafan Malaysia, tetapi apabila Malaysia berhutang RM1 trilion, mereka tidak bercakap mengenai menurunkan penarafan,” katanya pada sidang media di Yayasan Al-Bukhary di sini, semalam.

Beliau berkata kerajaan menyelamatkan sejumlah besar wang dengan menyelesaikan isu berkaitan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), FELDA, TH dan terbaru Bandar Malaysia.

## **Cara, kriteria sendiri**

“Saya rasa agensi-agensi penarafan mempunyai cara dan kriteria mereka sendiri (dalam menentukan penarafan kredit), tetapi hakikatnya adalah, kerajaan terdahulu menyebabkan defisit dalam bajet sebelum ini, tetapi mereka mengekalkan penarafan.

**Saya rasa agensi-agensi penarafan mempunyai cara dan kriteria mereka sendiri (dalam menentukan penarafan kredit), tetapi hakikatnya adalah, kerajaan terdahulu menyebabkan defisit dalam bajet sebelum ini, tetapi mereka mengekalkan penarafan”**

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*

“Kini apabila kami cuba menyelesaikan masalah, kami diberitahu ia adalah langkah salah,” katanya.

Agensi penarafan antarabangsa, Moody's Investors Service dalam notanya, menyatakan beban hutang kerajaan lebih tinggi daripada median penarafan berdaulat A, dan pakej bantuan RM6.23 bilion untuk FELDA sebagai kredit negatif bagi penarafan negara.

## **Pasaran mudah tunai**

Sementara itu, penyedia indeks global, FTSE Russell sedang menimbangkan kemungkinan mengeluarkan Malaysia daripada Indeks Bon Kerajaan Dunia FTSE berikutan kebimbangan mengenai pasaran mudah tunai yang mungkin membawa kepada penarafan diturunkan.

Mengulas lanjut mengenai projek ECRL, Dr Mahathir berkata, beliau percaya kerajaan akan berjaya mendapatkan semula keba-

nyakan pelaburan atau menyelesaikan kebanyakan masalah berkaitan dengan pelaburan selepas rundingan semula berhubung projek itu.

“Kami sedang mengkaji mengurangkan lagi kos dan kami mempunyai kaedah lain untuk mengurangkan kos itu,” katanya.

Mengenai projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR), beliau berkata, kerajaan mempunyai masa dua tahun memikirkannya selepas kerajaan Malaysia dan Singapura bersetuju menanggungkan projek itu.

“Kontrak (berkaitan HSR) masih belum diberikan dan kami ada masa dua tahun untuk memikirkannya.

“Sehingga kami selaraskan dan merumuskan cara baharu untuk melaksanakan projek HSR yang tidak terlalu mahal, (hanya) pada ketika itu kami akan berikan kontrak,” katanya. **BERNAMA**